



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 29 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	CHAN FOONG HIN: PORK IMPORTS NEEDED TO MEET DEMAND AS PRODUCTION PLUNGES DUE TO SWINE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A16 SOURCES OF PORK IMPORTS SHOULD BE DIVERSIFIED, NATION, SIN CHEW DAILY -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6. 7.	JURUJUAL ABAI KUCING DIPENJARA DUA TAHUN, NASIONAL, BH -15 ABAI 5 EKOR KUCING: JURUJUAL DIPENJARA, DENDA, DALAM NEGERI, UM -29 PADAH ABAI LIMA KUCING HINGGA MATI, LOKAL, HM -5 'PEMBUNUH' KUCING DIPENJARA 2 TAHUN, NEGARA, KOSMO -8 JAILED TWO YEARS FOR STARVING CATS TO DEATH, NATION, THE STAR -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10.	DUA LAGI BANGKAI PENYU DITEMUI DI PERAIRAN MARANG, NEGARA, KOSMO -17 DUA PENYU AGAR DITEMUKAN MATI, NEGERI TERENGGANU, SH -25 TERUJA LIHAT PENYU NAIK BERTELUR TIGA JAM DI PANTAI PANDAK, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12.	CUACA TIDAK MENENTU PENGARUHI HARGA SAYUR, NASIONAL, BH -19 HIDUP DAIF PISAHKAN ANAK, KELUARGA, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	ORANG KEDAH TIDAK CUKUP AYAM SYAWAL INI, NEGARA, KOSMO -16 BEKALAN TELUR BERANSUR STABIL, NEWS, SELANGOR KINI -18 M'SIA IMPORTS 1.8mil TONNES of VEGETABLES YEARLY, NATION, CHINA PRESS -A6 PERLU KAJI SEMULA HARGA PADI, DALAM NEGERI, UM -34 'TERPAKSA USAHAKAN TANAMAN LAIN SELAIN PADI DEMI SESUAP NASI', DALAM NEGERI, UM -34 RAIH RM5,000 SEMUSIM TANAM GOLDEN MELON, DALAM NEGERI, UM -34 RM100b KOS IMPORT MAKANAN, DALAM NEGERI, UM 1 & 2	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Chan Foong Hin: Pork imports needed to meet demand as production plunges due to swine		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	29 Mar 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A16	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,296
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,888



陈泓缵：受猪瘟影响产量大跌 需进口猪肉应付需求

(吉隆坡 28 日讯) 农业及粮食安全部副部长陈泓缵说，由于受到非洲猪瘟与饲料涨价等问题的影响，导致本地生猪产量大跌，因此现阶段有必要多元化进口猪肉的来源，以应付市场需求，进而稳定猪价。

他今日在脸书发文说，趁着国会午休时段，他与农长莫哈末沙布及峇眼国会议员林冠英一同会晤本地猪肉商贩和进口商，共同商讨猪肉供应不稳定和猪价持续高涨的问题。

陈泓缵说，大马猪肉产品进出口商公会主席拿督黎保忠和大马猪肉商总会会长周宝

源分别在会议上反映业者心声和一些建议，供部门和兽医局参考和采纳。

“当中提到的建议包括简化进口外国猪肉的文件程序，以及增加拥有兽医局认证和授权进口猪肉的外国宰猪场数量。

须拥兽医局认证

“这是因为所有的进口猪肉和猪产品，其来源国的宰猪场必须拥有大马兽医局认证和批准才能进口，以保障食品与生物安全。”

对于会议中所提到的反馈和建议，陈泓缵指，农业部都



莫哈末沙布（右三）会晤本地猪肉商贩和进口商代表，商讨猪肉供应和猪价高涨问题。右二为陈泓缵。

会参考和予以考量。

“我们也会通过各种方式，确保市场供应维持稳定，消费者也能买到价格合理的猪肉。”

出席者包括实旦宾国会议

员张健仁、马六甲市国会议员邱培栋、农业部秘书长拿督洛曼、大马检验及检疫局 (MAQIS) 及兽医局官员。

Headline	Sources of pork imports should be diversified		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	29 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	304 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,471



陳泓縑：應付需求穩豬價 進口豬來源須多元化

（吉隆坡28日讯）农业和粮食安全部副部长陈泓縑说，受非洲猪瘟与饲料涨价等问题的影响，导致本地生猪产量大跌，因此现阶段有必要多元化进口猪肉的来源，以应付市场需求，进而稳定猪价。

他在脸书发文说，他今日趁国会午休时段，与农粮部长拿督斯里莫哈末沙布及行动党主席兼峇眼区国会议员林冠英会晤本地猪肉商贩和进口商，共同讨论猪肉供应不稳定和猪价持续高涨的问题。

公会盼简化程序增认证

他说，大马猪肉产品进出口商公会主席拿督黎保忠和大马猪肉商总会总会长周宝源分别在会议上发表业者心声及建议，供部门和兽医局参考和采纳，包括简化进口外国猪肉的文件程序，以及增加拥有兽医局认证和授权进口猪肉的外国宰猪场数量。

“这是因为所有的进口猪肉和猪肉产品，其来源国的宰猪场必须拥有大马兽医局认证和批准，才能进口，以保障食品与生物安全。”

他说，农粮部将考量和考量会议中提及的反馈和建议，并会通过各种方式，确保市场供应需求维持稳定，消费者也能买到合理价格的猪肉。

出席者包括农粮部秘书长拿督洛曼哈金、砂行动党主席兼实里宾区国会议员张健仁、行动党马六甲市区国会议员邱培栋、大马检疫及检验服务局（MAQIS）及兽医局官员。

本地猪肉商贩及进口商与农业和粮食安全部、大马检疫及检验服务局（MAQIS）及兽医局的官员会面，讨论猪肉供应不稳定和猪价持续高涨的问题。坐者右起为陈泓縑、林冠英、洛曼、黎保忠及邱培栋。（取自陈泓縑脸书）



莫哈末沙布（左起）、张健仁及邱培栋聆听黎保忠发表本地猪肉商贩及进口商的心声及建议。（取自陈泓縑脸书）

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Jurujual abai kucing dipenjara dua tahun

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen semalam menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM50,000 terhadap seorang jurujual atas pertuduhan mengabaikan lima kucing peliharaannya hingga mati kebuluran.

Hakim, Siti Aminah Ghazali, menjatuhkan hukuman itu terhadap Lim Chia Lin, 31, dan memerintahkan lelaki itu dipenjara setahun jika gagal membayar denda selepas mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Chia Lin sebagai pemilik atau penjaga lima kucing didakwa tidak menyediakan makanan dan minuman yang mencukupi hingga menyebabkan haiwan peliharaan yang dikurung mati dan bangkainya ditemui kemudian.

Kesalahan dilakukan di sebuah unit kediaman yang disewa di Bayu Tasik Condominium, Bandar Sri Permaisuri, Cheras antara 14 Jun dan 3 Julai tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Abai 5 ekor kucing: Jurujual dipenjara, denda

KUALA LUMPUR: Seorang jurujual dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan didenda RM50,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan mengabaikan lima ekor kucing peliharaannya sehingga mati kebuluran.

Hakim Siti Aminah Ghazali menjatuhkan hukuman itu terhadap Lim Chia Lin, 31, dan memerintahkan dipenjara setahun jika gagal membayar denda.

Tertuduh didakwa tidak menyediakan makanan dan minuman yang mencukupi sehingga menyebabkan haiwan peliharaan yang diletakkan dalam kurungan, mati dan bangkainya ditemukan kemudian.

Selaku pemilik atau penjaga kepada lima kucing berkenaan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di antara 14 Jun dan 3 Julai 2022 di sebuah unit kedua-



LIM Chia Lin dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi menghadapi pertuduhan tidak menyediakan makanan kepada kucing peliharaannya sehingga mati kebuluran. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

man yang disewanya di Bayu Tasik Condominium, Bandar Sri Permaisuri, Cheras di sini.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 29(1)(D) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara mak-

suk seperti bangkai. Pengadu kemudian memeriksanya unit berkenaan dan mendapati beberapa bangkai kucing dalam sangkar yang diletakkan di luar rumah di sebelah pintu.

Fakta kes turut menyatakan, pada 13 Mac lalu, pengadu bersama pengawal keselamatan dan pengurus bangunan pergi ke rumah tersebut untuk meminta sewa bulanan yang tertunggak sebanyak RM1,400.

Pengadu mendapati sangkar tersebut masih tidak dibuang manakala pintu rumah tidak berkunci menyebabkan mereka berdua memasukinya untuk membuat pemeriksaan.

“Pengadu mendapati bau busuk di bahagian dapur berpunca daripada daging kisar dalam baldi dan juga dalam peti ais manakala penyewanya sedang tidur dalam bilik,” demikian menurut fakta kes yang diakui tertuduh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	HARIAN METRO	LOKAL	5



LIM di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Gambar NSTP HAZREEN MOHAMAD

JURUJUAL DIJEL 2 TAHUN, KENA DENDA RM50K

Padah abai lima kucing hingga mati

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadli
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Padah mengabaikan lima kucing peliharaan-nya hingga mati kebuluran, seorang jurujual dihukum penjara dua tahun dan denda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Siti Aminah Ghazali menjatuhkan hukuman itu selepas Lim Chia Lin, 31, mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan dan memerintahkan lelaki itu dipenjara setahun jika gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, Chia Lin sebagai pemilik atau penjaga lima kucing didakwa tidak menyediakan makanan dan minuman yang mencukupi hingga me-

nyebabkan haiwan peliharaan itu mati.

Kesalahan dilakukan di sebuah unit kediaman yang disewa di Bayu Tasik Condominium, Bandar Sri Permaisuri, Cheras antara 14 Jun dan 3 Julai tahun lalu.

Sehubungan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29(1)(D) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga pemilik unit berkenaan menerima aduan daripada penduduk di kondominium itu bahawa rumah yang disewakan kepada tertuduh berbau busuk seperti bangkai,

pada 11 Mac lalu.

Pengadu kemudian memeriksa unit berkenaan dan mendapati ada beberapa bangkai kucing dalam sangkar yang diletakkan di luar rumah di sebelah pintu.

Pengadu menasihati penyewa supaya membuang sangkar itu bagi mengelakkan penduduk membuat aduan terhadapnya.

Dua hari kemudian, pengadu bersama pengawal keselamatan dan pengurus bangunan pergi ke rumah itu untuk meminta sewabulan yang tertunggak sebanyak RM1,400.

Pengadu mendapati sangkar itu masih tidak dibuang, manakala pintu rumah tidak ber-kunci menyebabkan mereka masuk untuk membuat pemeriksaan.

Bau busuk dikesan di bahagian dapur berpunca dari pada peti ais dan daging kisar dalam baldi, manakala tertuduh sedang tidur dalam bilik.

Terdahulu ketika prosiding, Chia Lin yang tidak diwakili peguam memohon denda minimum kerana hanya berpendapatan RM1,500 sebulan.

Lelaki itu memberi alasan bahawa 'tong' itu untuk menyimpan ayam perap, namun penjelasannya dipintas oleh hakim yang memaklumkan tertuduh hanya boleh merayu bagi meringankan hukuman.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Wan Ahmad Hakimi Wan Ahmad Jafar, memohon tertuduh dipenjarakan untuk tempoh panjang sebagai pengajaran kepada masyarakat supaya tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap haiwan peliharaan.

Mahkamah perintah lelaki itu dipenjara setahun jika gagal membayar denda

29/3/2023

KOSMO

NEGARA

8

Penemuan bangkai, daging binatang dikisar dalam baldi, peti ais di kondominium

'Pembunuh' kucing dipenjar 2 tahun

Oleh NORLIZAH ABAS

KUALA LUMPUR – Perbuatan kejam seorang jurujual meng-abai kucing peliharaannya sehingga mati kebuluran berbalas selepas dia dihukum penjara dua tahun dan denda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Siti Aminah Ghazali menjatuhkan hukuman itu ke atas Lim Chia Lin, 31, selepas tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang disabitkan. Mahkamah memerintahkan lelaki itu dipenjar setahun jika gagal membayar denda.

Chia Lin didakwa tidak menyediakan makanan dan minuman mencukupi sehingga menyebabkan lima ekor haiwan peliharaannya mati sebelum bangkainya ditemui pada 14 Jun dan 3 Julai lalu di rumah sewa di Bayu Tasik Condominium, Bandar Sri Permaisuri, Cheras di sini.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 29(1)(D) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.



CHIA LIN (tengah) tunduk ketika dibawa selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

Menurut fakta kes, pemilik kondominium menerima aduan daripada penduduk yang mendakwa rumah yang disewa tertuduh berbau busuk seperti bangkai.

Pengadu melakukan pemeriksaan dan menemui beberapa bangkai kucing dalam sangkar di

luar rumah.

Pada 13 Mac lalu, pengadu bersama pengawal keselamatan dan pengurus bangunan pergi ke rumah itu untuk meminta duit sewa tertunggak RM1,400 sebelum mendapati sangkar haiwan itu masih tidak dibuang, manakala pintu rumah tidak berkunci.

Pengadu mendapati bau busuk di dapur berpunca daripada daging kisar dalam baldi dan di dalam peti ais, manakala penyewanya sedang tidur dalam bilik.

Terdahulu, Chia Lin yang tidak diwakili peguam memohon denda dikurangkan kerana dia mempunyai berpendapatan RM1,500 sebulan.

Tertuduh memberi alasan 'tong' itu untuk menyimpan ayam perap, namun penjelasannya itu dipintas hakim dengan menyatakan dia hanya boleh mengemukakan rayuan bagi meringankan hukuman.

"Tak kisahlah kucing perap ke ayam perap ke kerana kamu sudah mengaku bersalah atas pertuduhan. Kamu boleh merayu untuk meringankan hukuman sahaja," ujar Siti Aminah.

Sementara itu, Timbalan Pen-

dakwa Raya, Wan Ahmad Hakimi Wan Ahmad Jaafar memohon tertuduh dipenjarakan untuk tempoh panjang sebagai pengajaran kepada masyarakat.

Beliau berhujah, tertuduh pulang ke kampungnya di Sarawak selama sebulan sejak Jun 2022 tanpa menyediakan makanan dan minuman hingga kucing-kucing itu mati kebuluran.

Wan Ahmad Hakimi berhujah, tertuduh tidak mengambil langkah proaktif menaman bangkai, sebaliknya membiarkannya begitu sahaja.

Pemeriksaan mendapati, dua bekas berisi daging binatang yang busuk, manakala bangkai kucing dibiarkan begitu sahaja.

"Bukan sahaja pencinta kucing, orang biasa pun akan berasa sedih melihat bangkai binatang dibiarkan begitu sahaja dalam keadaan menyayat hati," katanya.

Sebelum ini, Kosmo! melaporkan seorang lelaki diberkas selepas penemuan puluhan bangkai dan rangka kucing di sebuah kondominium tersebut.

Perlakuan tidak berperikemanusiaan itu didedahkan Persatuan Haiwan Malaysia.



KERATAN Kosmo! 27 Mac 2023.

Jailed two years for starving cats to death

By NURBAITI HAMDAN
nurbaiti@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A salesman paid a heavy price for neglecting his five pet cats, all of which died from starvation, when the Sessions Court here sentenced him to two years in jail and a RM50,000 fine.

Judge Siti Aminah Ghazali meted out the sentence on Lim Chia Lin, 31, and ordered him to serve a year in prison if he fails to pay the fine following his guilty plea here yesterday.

According to the charge sheet, Lim, as the owner or caretaker of the five cats, was accused of not providing sufficient food and water to the animals, causing their deaths and the carcasses were found later.

The offence was committed at a rented condominium unit at Bayu Tasik Condominium, Bandar Sri Permaisuri in Cheras between June 14 and July 3 last year.

The charge under Section 29(1) (D) of the Animal Welfare Act 2015 carries a maximum fine of RM100,000, a maximum three-year imprisonment or both, upon conviction.

According to the statement of

Paying the price for negligence:

Salesman Lim (in green) being escorted at the Sessions Court in Kuala Lumpur after pleading guilty to starving his pets to death.



facts, the complainant in the case, who is also the owner of the condominium unit, received complaints from neighbours that there was a foul smell emanating from his property on March 11.

The complainant went to check the unit and found that several cat carcasses were inside a cage that was placed next to the door outside of the house.

The complainant then advised the tenant to dispose of the cage in order to avoid more complaints

against him.

Two days later, the complainant, together with a security guard and the building manager, came to the unit to collect an outstanding rental of RM1,400.

The cage was still there while the unit was unlocked, hence they went inside to check.

They traced the stench coming from the fridge and a pail containing minced meat in the kitchen while the accused was sleeping in a room.

Earlier in the proceedings, Lim, who was unrepresented, asked for a minimum sentence as he told the court that he only earned RM1,500 a month.

He claimed that the "pail" was used to keep marinated chicken but his "explanation" was cut short by the judge who reminded him that he could only mitigate for a lower sentence.

"Doesn't matter whether it's marinated cat or marinated chicken, you already pleaded guilty to the charge."

"You can only plead for a lenient sentence now," Siti Aminah said.

Deputy Public Prosecutor Wan Ahmad Hakimi Wan Ahmad Jaafar asked the court to impose a long custodial sentence as a lesson to the public not to neglect their responsibility as a pet owner.

"The accused went to his home town in Sarawak for a month in June 2022 without leaving food and water until the cats starved to death."

"He did not take any proactive measures to bury the carcasses but he left them like that until the smell turned bad and caused nuisance to the community," DPP Wan Ahmad said.

Dua lagi bangkai penyu ditemui di perairan Marang

MARANG – Kes penemuan bangkai penyu di perairan Terengganu terus berlaku apabila dua lagi penyu dari spesies agar ditemui mati dalam dua kes berasingan di daerah ini kelmarin.

Dalam kes pertama, bangkai seekor penyu agar jantan ditemui terdampar di Pulau Kapas di sini, oleh seorang pemandu bot tempatan pada pukul 1 tengah hari.

Setiausaha Persatuan Pemuliharaan Pulau Kapas, Mohd. Farith Rezza Isa berkata, penyu

tersebut yang mempunyai kesan berdarah di bahagian mulut dipercayai mati dalam tempoh tidak sampai 24 jam.

"Bagaimanapun, tiada kecederaan lain dikesan pada bangkai penyu itu yang berukuran 84 sentimeter (sm) panjang dan 75 sm lebar tersebut.

"Dalam kejadian berasingan, seekor lagi penyu agar dewasa ditemui mati di muara Sungai Marang," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Mohd. Farith berkata, bangkai

reptilia tersebut ditemui dalam keadaan terapung oleh seorang pemandu bot lain, namun bangkai itu tidak sempat diambil kerana beberapa kekangan.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak kemungkinan bangkai penyu tersebut akan terdampar dan ditemui di lokasi lain tidak lama lagi.

"Kedua-dua penemuan (bangkai penyu) tersebut telah dilaporkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu untuk tindakan lanjut," katanya.



BANGKAI penyu agar dewasa yang ditemui terdampar di Pulau Kapas, Marang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	25

Dua penyu agar ditemukan mati

Kedua-duanya mati di lokasi berasingan di Marang

Oleh **NORHASPIDA YATIM**
KUALA TERENGGANU

Dua ekor penyu agar ditemukan mati di dua lokasi berasingan di daerah Marang pada Isnin.

Setiasaha Persatuan Pemuliharaan Pulau Kapas, Mohd Farith Rezza Isa berkata, salah seekor penyu iaitu penyu agar jantan ditemukan seorang pemandu bot tempatan dalam keadaan terdampar di Pulau Kapas kira-kira jam 1 tengah hari.

"Penyu yang berukuran 84 sentimeter (sm) panjang dan 75 sm lebar itu yang dipercayai mati dalam tempoh kurang 24 jam.

"Ketika ditemui, terdapat kesan darah pada bahagian mulut



Bangkai seekor penyu agar jantan ditemukan terdampar di Pulau Kapas, Terengganu oleh seorang pemandu bot tempatan.



Seekor penyu agar dewasa ditemukan mati di muara Sungai Marang pada Isnin.

penyu itu dan hasil pemeriksaan tidak menemui kecederaan lain pada badan haiwan berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, pada Selasa.

Sementara itu, katanya, seekor lagi penyu iaitu penyu agar dewasa ditemui mati di muara

Sungai Marang pada hari sama.

"Bangkai penyu itu ditemukan dalam keadaan terapung oleh seorang pemandu bot, namun ia tidak sempat diambil atas beberapa faktor.

"Kita bimbang, bangkai itu akan dibawa arus dan terdampar

di lokasi yang lain," katanya.

Menurut Mohd Farith Rezza, kedua-dua kejadian itu telah dilaporkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu (DOF) untuk siasatan lanjut.

"Kita belum kenal pasti lagi punca sebenar kematian penyu

itu, namun kita harap pihak penguat kuasa akan pertingkatkan lagi aktiviti pemantauan.

"Antaranya ialah larangan menggunakan pukuk pari dan pukuk tunda di laut bagi mengelak kematian hidupan marin itu," ujarnya.



KEKURANGAN bekalan anak ayam dijangka mengakibatkan masalah bekalan ayam menjelang Hari Raya Aidilfitri ini di Kedah. - GAMBAR HIASAN

Berikutan isu kekurangan bekalan anak ayam

Orang Kedah tidak cukup ayam Syawal ini

Oleh JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR – Masalah bekalan ayam dijangka melanda di utara tanah air menjelang Syawal ini ekoran isu kekurangan anak ayam di pihak penternak terutama di negeri ini.

Kata pengarah urusan sebuah syarikat penternakan ayam terkemuka di Kedah, Mazlina Kamarudin, pihaknya turut mengalami masalah untuk menambah bekalan ayam bagi menampung permintaan yang dijangka tinggi ketika Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Setakat ini Ayam Bismi belum ada masalah kekurangan tetapi penternak lain turut menyatakan keluhan bahawa bekalan ayam

akan meruncing kerana anak ayam susah nak dapat.

"Itu yang kami risaukan kerana syarikat kami juga meminta bekalan anak ayam yang lebih untuk Ramadan dan Syawal ini tetapi dikawal, pengeluaran anak ayam tak bagi lebih sebab tak cukup anak ayam.

"Oleh itu kita jangka menjelang Syawal nanti ayam memang berkurangan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Jelas Mazlina, selain faktor kekurangan bekalan anak ayam, harganya yang dikatakan tinggi juga menjadikan semakin ramai penternak tersepit.

"Anak ayam terlalu mahal sekarang iaitu RM3.40 seekor berbanding RM1.80 hingga

RM2.40 sebelum ini. Harga ini tak turun-turun jadi banyak penternak mengurangkan bekalan di ladang.

"Isu lain juga dikaitkan dengan ketidakpastian industri ini termasuk subsidi yang katanya disambung, namun belum dapat dituntut dari Januari hingga sekarang. Banyak penternak kurangkan bekalan sebab tidak mahu tanggung kerugian," katanya.

Tambahnya, bekalan ayam berkurangan itu juga dikaitkan dengan masalah cuaca panas dan hujan yang tidak menentu ketika ini sekali gus mengakibatkan pelbagai penyakit serta membantutkan tumbesaran anak ayam.

Teruja lihat penyu naik bertelur tiga jam di Pantai Pandak



TANGKAP layar video seekor penyu agar betina kembali ke laut selepas selesai bertelur di Pantai Pandak, Chendering, Kuala Terengganu kelmarin.

KUALA TERENGGANU – Seorang pemancing terkejut apabila terserempak dengan seekor penyu agar betina yang naik bertelur di Pantai Pandak, Chendering di sini kelmarin.

Hasbullah Haliba, 26, berkata, dia bersama beberapa orang rakan ingin memancing di pantai tersebut terserempak dengan haiwan reptilia terbabit pada pukul 7.30 malam.

"Penyu betina dengan anggaran berat 50 kilogram itu naik perlahan-lahan ke darat untuk bertelur.

"Kami hanya memerhati sahaja dari jauh kerana tidak mahu ibu penyu tersebut berasa ter-

ganggu sepanjang proses bertelur," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Klip video berdurasi 18 saat dirakam Hasbullah dimuat naik di media sosial mendapat perhatian ramai yang turut teruja dengan pendaratan penyu di pantai peranginan tersebut.

Hasbullah berkata, penyu betina itu hanya selesai bertelur dan kembali ke laut selepas tiga jam.

Dia memberitahu, sangat bertuah kerana dapat melihat sendiri proses penyu bertelur buat pertama kali.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu,

Ruzaidi Mamat berkata, kakitangannya telah bergegas di Pantai Pandak sebaik menerima laporan berhubung pendaratan penyu tersebut.

"Kawasan itu bukan kawasan pajakan dan sekiranya ada penemuan telur, ia akan diambil untuk dieramkan sebelum dilepaskan semula ke laut.

"Sekarang memang musim penyu naik ke daratan kerana musim bertelur telah tiba dan kita berharap orang ramai yang terjumpa spesies marin ini agar tidak mengganggunya," katanya.

Ruzaidi menasihatkan orang ramai agar melaporkan segera penemuan penyu naik ke darat.

29/3/2023

BERITA
HARIAN

NASIONAL

19

Cuaca tidak menentu pengaruhi harga sayur

Harga ikan
di Terengganu
turun walaupun
nelayan tak ke laut

Oleh Mohd Rafi Mamat
dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

sekilogram, antaranya tomato, lada benggala merah dan hijau, cili merah minyak, terung panjang, tomato serta lik.

Katanya, harga tomato pernah mencecah lebih RM10 sekilogram pada awal tahun ini ketika Tahun Baharu Cina, berikutan pengeluaran yang berkurangan sedangkan permintaan begitu tinggi hingga tidak mencukupi.

"Setiap dua hari sekali, kita merekodkan harga 23 sayuran keluaran pekebun di Cameron Highlands, harga ladang akan mempengaruhi harga jualan runcit.

"Harga ladang kini lebih banyak dipengaruhi oleh pekebun kerana mereka sebagai pengeluar, bagaimanapun mereka tetap akurat dengan peraturan yang ditetapkan kerajaan, katanya, di-

Beliau menambah, cuaca yang tidak menentu turut mempengaruhi harga sayuran tanah tinggi dan tanah rendah.

Bagaimanapun, bekalan sayuran di negeri ini masih mencukupi dan harganya tidak ter-

lalu tinggi.

Saiful berkata, pihaknya sentiasa memberi galakan kepada masyarakat supaya terlibat dalam sektor pertanian, pelbagai kemudahan disediakan kerajaan.

Bagi peserta ladang kontrak PAMA, mereka berpeluang mendapat pelbagai kemudahan.

"Kita tidak ingin melihat pengguna terus terbeban dengan harga tidak menentu sayuran di negeri ini, justeru kawalan harga dilakukan oleh pihak berkuasa.

"Bagi mendapatkan sayuran pada harga lebih rendah dan segar, pengguna boleh ke pasar tani dan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) anjuran PAMA," katanya.

Bekalan ikan cukup

Di Kuala Terengganu, harga ikan basah tempatan di beberapa pasar di negeri ini menunjukkan penurutan, walaupun sebahagian nelayan tidak turun ke laut sepanjang Ramadan.

Tinjauan di pasar Chabang Tiga, di sini, mendapati harga



Harga tomato pernah mencecah lebih RM10 sekilogram pada awal tahun ini. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

ikan basah tempatan turun antara RM1 dan RM2 sekilogram. Bagaimanapun, berlaku sedikit kenaikan harga ikan merah dan fenggiri kerana bekalan diperolehi dari luar negeri ini.

Ikan selayang dijual pada harga RM14 dan RM16 sekilogram, berbanding antara RM16 dan RM18 sebelum Ramadan. Harga ikan kembung juga turun sebanyak RM2 sekilogram iaitu RM22, berbanding antara RM24 dan RM28 sebelum ini.

Seorang peniaga ikan, Roslan Mustafa, 48, berkata kebanyakkan sekilogram," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Hidup daif pisahkan anak, keluarga

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@medianua.com.my

KOTA KINABALU: Kedaifan hidup memaksa Umairah (bukan nama sebenar) tinggal berjauhan daripada ibu bapanya seawal usia lima tahun.

Pada usia sekecil itu, anak keempat daripada 10 beradik itu dihantar oleh keluarga ke Rumah Anak Kesayangan Sabah (RAKS).

Semasa mula-mula dihantar ke situ, Umairah, 12, berkata, dia sering menangis kerana mahu pulang ke pangkuan ibunya. Pada usia lima tahun, dia hanya rindukan belaian seorang ibu.

Katanya, setelah hampir enam tahun tinggal bersama kawan-kawan di RAKS, dia sudah mula menyesuaikan diri dan boleh memahami keadaan keluarganya yang susah.

"Walaupun setiap kali menjelang Ramadan jarang dapat bersahur dan berbuka puasa bersama keluarga, saya bersyukur kerana berpeluang meraikan Aidilfitri bersama adik-be-



PENGHUNI RAKS menerima sumbangan FAMA yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Chan Foong Hin (dua kiri) baru-baru ini.

radik dan ibu bapa.

"Hari raya kami dibenarkan pulang rumah dan meraikan sambutan Aidilfitri bersama dengan keluarga. Memang rasa gembira apabila dapat meraikan hari raya dengan mereka," ka-

tanya kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, kini dia dan adik lelakinya yang berusia lapan tahun sama-sama ditempatkan di RAKS memuatkannya tidak lagi rasa keseronangan. Sementara itu, Pengurus

RAKS, Aini Amin berkata, ramai kebajikan yang menempatkan anak yatim dan anak-anak daripada golongan asnaf itu mempunyai 103 penghuni yang masing-masing ditempatkan di RAKS Likas dan Sembulan.

Beliau berkata, penghuni RAKS berusia antara empat hingga 13 tahun datang dari seluruh pelusuk negeri termasuk Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.

"Kalau yang masih kecil, semasa dihantar ke sini memang akan menangis sebab mahu pulang semula ke rumah. Namun, selepas sebulan, mereka lazimnya sudah mula menyesuaikan diri sebab ramai kawan.


"Ada antara ibu bapa penghuni di sini datang melawat sebulan sekali bagi mereka yang tinggal sekitar bandaraya," katanya.

Menurut Aini, dia bersyukur setiap kali menjelang Ramadan dan Aidilfitri, ramai insan prihatin yang memberi sumbangan kepada penghuni di RAKS.

Sumbangan diberikan dalam bentuk wang ringgit dan barangan.

Malah, apabila menjelang Aidilfitri terdapat juga individu yang bermurah hati menyumbangkan baju raya untuk penghuni RAKS.

Headline	Bekalan telur beransur stabil		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	29 Mar 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	55 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 539
Frequency	Weekly	PR Value	RM 1,617



Bekalan telur beransur stabil

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjangka pengeluaran bekalan telur ayam kembali pulih menjelang hujung tahun.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ia didorong usaha memudahkan kemasukan pekerja di sektor pertanian dan lain-lain sejak Januari, lapor Bernama.

"Pada tahun ini, pengeluaran telur ayam cukup dan mampu sampai ke tahap eksport pada hujung tahun," katanya pada 18 Mac.

Beliau mengingatkan risiko perubahan iklim dan penyakit boleh memberi kesan kepada pengeluaran.

Headline	M`sia imports 1.8mil tonnes of vegetables yearly		
MediaTitle	China Press		
Date	29 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,023



每年進口180萬公噸蔬菜

（吉隆坡28日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，大马每年需进口180万公吨的蔬菜，来满足国人的需求。

他说，根据人均年消费86公斤蔬菜计算，国人每年需要283万公吨的蔬菜，但本地的蔬菜生产量只有100万公吨。

莫哈末沙布昨日以书面方式，回答土团党巴东色海区国会议员阿兹曼提问时说，大马进口的主要是温带蔬

菜，如洋葱、大蒜、椰菜花、西兰花、豆类、胡萝卜和马铃薯，这些蔬菜都不适合在大马种植。

他说，该部已采取多个方式，来提升本地的蔬菜生产量，包括提供奖励和配套鼓励更多人参与蔬菜生产供应链。

他补充，该部也会与国内贸易及生活成本部合作，确保本地蔬菜供应充足，不过蔬菜价格管控属于内贸部权限。

Kadar RM1,200 satu tan sejak 10 tahun lepas tidak pernah disemak

Perlu kaji semula harga padi

Oleh AHMAD
FADHILLAH ADNAN
fadhilah.adnan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan diminta mengkaji semula harga padi yang digazetkan ketika ini selepas didakwa tidak selari dengan keadaan ekonomi semasa terutamanya peningkatan kos input pertanian.

Lebih mengecewakan, harga padi berjumlah RM1,200 bagi satu tan yang ditetapkan pada masa kini adalah kadar yang ditetapkan 10 tahun lepas dan tidak pernah disemak semula.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, (PeSAWAH), Mohd. Fuad Yaacob berkata, harga padi yang dikawal ketika ini sudah tidak setimpal dengan kenaikan kos input pertanian terutamanya baja dan racun.

Katanya, ini kerana kenaikan kos itu tidak dikawal, tetapi kadar harga padi ditetapkan pihak kerajaan.

"Harga padi yang berbaloi adalah pada kadar RM1,400

hingga RM1,500 bagi satu tan untuk tampung kenaikan kos input pertanian itu.

"Kadar RM1,200 itu diselaraskan sejak 2013 atau 2014 lepas...jika tidak silap semasa Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan selepas itu harga tersebut tidak pernah disemak semula.

"Kita harap kerajaan boleh semak harga padi itu sebab harga padi dikawal oleh mereka, bukan pihak petani. Selain itu, kalau boleh kadar itu dapat disemak lima tahun sekali lagi bagus," katanya ketika dihubungi.

Semalam, akhbar ini melaporkan keluhan pesawah susulan peningkatan kos mengusahakan tanaman padi terutama harga racun dan baja yang sering naik mengakibatkan segelintir pesawah memilih untuk menukar tanah mereka kepada tujuan lain yang lebih menguntungkan.

Malah, hasil padi yang tidak menentu juga menjadi antara punca kebanyakan pesawah menjual tanah sawah mereka.



Harga padi yang dikawal ketika ini sudah tidak setimpal dengan kenaikan kos input pertanian terutamanya baja dan racun."

MOHD. FUAD YAACOB

Mohd. Fuad menambah, kadar harga padi perlu disemak semula bagi membolehkan masyarakat pesawah dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Malah, katanya, mana-mana pihak juga diminta untuk tidak menyalahkan petani sekiranya hasil padi susut susulan pelbagai masalah masih yang masih membelenggu masyarakat pesawah.

"Dengan kenaikan kos tidak

terkawal, bagaimana kita mahu beri perkhidmatan terbaik. Kos input pertanian sebelum tuai dan apabila tuai dapat hasil, itu sahaja pendapatan sebenar pesawah.

"Infrastruktur juga masih lagi ketinggalan walaupun tidak semua kawasan. Sedangkan, infrastruktur kena cantik, ada kemudahan pengairan dan saliran.

"Tetapi sesetengah tempat, pengairan dan saliran masih tidak sempurna, macam mana mahu hasil yang tinggi.

"Semua itu tidak termasuk lagi serangan penyakit, cuaca hujan dan panas lagi. Jadi, jangan salahkan petani malas atau tidak rajin, sebab masalah lain masih belum selesai," katanya.

Kenaikan harga racun meningkat sejak 2020 tetapi boleh ditampung kerana kerajaan sebelum ini memberi bantuan subsidi percuma RM300 untuk sehektar padi. Bagaimanapun, bantuan tersebut menurun kepada RM200 untuk sehektar padi sekali gus memberi kesan kepada pesawah untuk menampung kenaikan kos berkenaan.

'Terpaksa usahakan tanaman lain selain padi demi sesuap nasi'

KEPALA BATAS: "Nak harapkan (tanaman) padi semata-mata sekarang ini memang payahlah untuk kami, pesawah-pesawah ni nak cari makan. Racun naik harga la, baja pun sama. Macam-macam. Semua benda makin mahal."

Itu rungutan seorang pesawah, Mohd. Yusri Mustafa, 44, yang mengusahakan tanaman padi di Penang sejak lebih dua dekad yang lalu.

Bapa kepada empat cahaya mata itu berkata, justeru, dia terpaksa mengusahakan beberapa tanaman sampingan demi mencari sesuap nasi untuk keluarganya.

"Dulu, saya pernah bela lembu. Kemudian saya tanam betik. Sekarang saya cuba tanam jagung pula.

"Alhamdulillah, hasil tanaman itu bolehlah digunakan untuk menampung kos sara hidup yang semakin tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohd. Yusri berkata, dia tidak menafikan ada dalam kalangan pesawah yang menjual atau melakukakan tebus tanah mereka untuk kegunaan lain termasuk disewa demi mendapatkan pendapatan sampingan.

"Apa yang saya lihat sekarang, jika masalah ini (kenaikan harga racun, baja dan sebagainya) tidak boleh diatasi dalam tempoh terdekat, kita memang akan menghadapi masalah besar dalam isu keterjaminan makanan tidak lama lagi.

"Padi tak cukup (kerana pengeluaran terhad) dan kilang-kilang juga akan berdepan masalah disebabkan perkara ini," katanya.

Mohd. Yusri bagaimanapun percaya bahawa rata-rata pesawah masih bersemangat untuk turun ke bendang khususnya kenaikan harga barang dan lain-lain ketika ini.

Raih RM5,000 semusim tanam golden melon

MERSING: Seorang wanita mampu meraih sehingga RM5,000 semusim bagi tanaman *golden melon* yang diusahakan di Kampung Sawah Datuk, di sini.

Zuraina Shaharuddin, 52, telah mengusahakan tanaman itu sejak penghujung Disember lalu melibatkan 500 pokok.

Sebelum ini dia menanam pokok cili sebelum bertukar kepada *golden melon* yang menggunakan sistem fertigasi dan dijual pada harga RM10 sekilogram.

"Sebelum ini banyak kerja yang saya pernah buat, mengajar tuisyen, mengajar mengaji, jual kuih namun dalam masa sama saya suka bercucuk tanam. Jadi, saya ada bertanam di tepi rumah secara sambilan.

"Kini bercucuk tanam telah menjadi kerja sepenuh masa saya lebih-lebih lagi selepas suami Abdul Rahim Ali, 52, bersara. Awalnya, kami tanam cili namun menanam cili agak cerewet kerana mudah kena serangga perosak selain penyakit banyak.

"Apabila tengok kawan ada buat (tanam) *golden melon* saya



ZURAINA SHAHARUDDIN dan suaminya, Abdul Rahim menunjukkan hasil golden melon yang diusahakan mereka di Kampung Sawah Datuk, Mersing.

beli benih daripada dia, buat sikat-sikat tidak menjadi pula buat awalnya. Namun bila cuba buat secara serius, tambahan pula kami diberikan bantuan rumah perlindungan hujan, syukur golden melon menjadi," katanya

kepada *Utusan Malaysia*.

Projek tanaman golden melon itu diusahakan di tanah milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mersing yang disewa dan nyata tanaman itu lebih berbaloi kerana hanya mengambil masa

antara 65 hingga 75 hari untuk matang, sekali gus pulangnya boleh diperolehi dengan cepat.

"Saya bercadang untuk mengembangkan lagi tanaman golden melon ini dengan sasaran sehingga 6,000 pokok serta menambah tanaman sayur-sayuran seperti terung, cili dan bendi kerana keluasan tanah yang ada di sini hampir satu hektar.

"Kami memang bercita-cita membangunkan kawasan ini secara intensif dengan tanaman sayur-sayuran menerusi kaedah pertanian tepat yang mengaplikasikan sistem Internet of Things (IoT) serta peralatan automasi sepenuhnya.

"Dengan kaedah itu diharapkan dapat meningkatkan hasil sehingga menyamai keluaran hasil tanah lebih dua hektar. Kami juga berharap dapat menjadikan tapak pengeluaran sayuran yang diwujudkan ini bersifat kondusif dan berimpak tinggi, sekali gus tidak lagi bersifat 3D (dirty, dangerous, difficult) yang mampu menarik minat golongan muda masa kini," katanya.

29/3/2023

NST

NATION

11

DISCOVERY OF CARCASSES

Man pleads guilty to starving cats to death

KUALA LUMPUR: The "tenant from hell" whose apartment contained the "carcasses" of more than 20 cats was charged and sentenced in the Sessions Court here yesterday.

Lim Chia Lin, 31, who is from Sarawak and had rented a unit at Bayu Tasik Condominium in Bandar Sri Permaisuri, Cheras here, pleaded guilty to one count of neglecting his five pet cats between June 14 and July 3 last year by not providing food or water to them, leading to their deaths.

The charge, framed under Section 29(1)(D) of the Animal Welfare Act 2015, was read to him before Sessions Court Judge Siti Aminah Ghazali.

The offence carries a jail sentence of three years or a fine between RM20,000 and RM100,000, or both, upon conviction.

Siti Aminah sentenced him to

two years' imprisonment and a RM50,000 fine, in default another year in jail.

According to the facts of the case, the accused's landlord first discovered the carcasses in a cage near the door of the unit when he went there on March 11.

The landlord, who is also the complainant in the case, went to the unit after receiving complaints from residents about a stench emanating from the house.

He asked about the carcasses and advised the accused to get rid of them.

He went to the unit two days later with a security guard and the building manager to ask for the accused's one-month outstanding rent amounting to RM1,400.

The trio found the cage in the same place and went into the house after knocking on the door

and did not get an answer.

They then found Lim sleeping in his room.

It was learnt that the other "carcasses" found in the apartment were rotten meat.

Yesterday, after pleading guilty, the accused, who works as a promoter with a RM1,500 monthly salary, quickly appealed by saying that there was a barrel filled with marinated chicken in the said unit and that had caused the stench.

However, the judge responded by saying that the accused had pleaded guilty to causing the cats' deaths and that he could only appeal against the sentence.

Lim, who was unrepresented, then pleaded for a lighter sentence.

Deputy public prosecutor Wan Ahmad Hakimi Wan Ahmad Jaffar suggested the court order a



It is learnt that the accused, Lim Chia Lin, left the cats at home for a month when he went back to Sarawak in June 2022. PIC BY HAZREEN MOHAMAD

custodial sentence as a warning to society to never neglect their pets.

He also submitted that the situation involving the carcasses found in the unit had garnered public attention.

"The accused had neglected

the cats for one month when he went to Sarawak in June last year.

"The cats starved to death. He should have provided food, drinks, and a comfortable place for the cats before he went away."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Menjelang 2025 negara terus belanja besar beli produk dari luar negara

RM100b kos import makanan

Oleh OMAR ZIN
omar.zin@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Nilai import makanan negara boleh mencecah sehingga RM100 bilion menjelang 2025 berdasarkan statistik dan trend semasa antaranya disebabkan permintaan dalam negara melebihi penawaran.

Mengikut laporan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, RM75.54 bilion import makanan dicatatkan tahun lalu, berbanding RM63.59 bilion pada 2021, iaitu peningkatan sebanyak 18.7 peratus manakala RM55.4 bilion dicatatkan pada 2020.

Malah, ia menunjukkan peningkatan import luar biasa dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini apabila RM38.8 bilion import makanan dicatatkan pada 2013, menjadikan pe-

ningkatan sebanyak 94.6 peratus pada 2022.


Antara komoditi mencatatkan nilai import tertinggi ialah kopi, koko, teh, rempah, bijirin, keluaran dan sediaan bijirin, keluaran dan sediaan makanan lain, bahan makanan untuk ternakan dan sayur-sayuran.

Rekod tersebut jauh beza dengan nilai eksport makanan yang mencatatkan RM44.55 bilion tahun lalu, berbanding RM38.62 bilion pada 2021, RM33.7 bilion (2020) dan RM34 bilion (2019), RM35 bilion (2018) dan RM26 bilion (2013).

Komoditi yang mencatatkan nilai eksport yang tinggi adalah kopi, koko, teh, rempah dan keluaran; bijirin dan sediaan bijirin; ikan, moluska, krustasea dan sediaan; hasil tenusu dan buah-buahan.

Bersambung di muka 2

Nilai import makanan 2013-2022



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

RM100b kos import makanan

Dari muka 1

Ketua Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan di Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Samad menyifatkan statistik menunjukkan bahawa negara berada dalam situasi bahaya kerana terlalu bergantung kepada pengimportan makanan.

Menurut beliau, semakin tinggi kebergantungan kepada bekalan makanan import semakin berisiko negara berhadapan dengan krisis sekuriti atau keselamatan makanan pada masa akan datang.

"Negara akan mengalami krisis makanan apabila berlaku perkara seperti bencana alam atau peperangan seperti yang berlaku antara Ukraine-Russia, kerana ia akan menjejaskan perdagangan antarabangsa terutama dalam mengimport bekalan makanan. Keadaan akan menjadi lebih kritikal kepada negara pengimport seperti Malaysia jika negara pengeport mengurangkan jumlah bekalan makanan yang dieskport.

"Disebabkan di pasaran domestik, permintaan makanan melebihi penawaran, kita terpaksa mengimport dari luar negara, tetapi ia hanya sesuai untuk jangka pendek bagi memenuhi permintaan domestik. Namun, jika ia berterusan dalam jangka panjang, negara akan berhadapan dengan krisis peningkatan harga barang makanan dan ditambah pula jika kedudukan ringgit yang lemah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Tindakan drastik perlu diambil bagi mengurangkan kebergantungan makanan import yang tidak mustahil akan mencecah RM100 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang."

Oleh itu, kata beliau, tindakan drastik perlu diambil bagi mengurangkan kebergantungan makanan import yang tidak mustahil akan mencecah RM100 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Antara langkah drastik boleh dilakukan adalah mengurangkan eksport makanan terlebih dahulu, meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, serta mengadakan kajian bersama pusat penyelidikan dan universiti bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran hasil pertanian tempatan untuk memenuhi permintaan domestik," katanya.

Bagaimanapun, beliau berharap dana yang sewajarnya perlu diperuntukkan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan bagi memperkasakan sektor pertanian negara dan memastikan keterjaminan bekalan makanan di masa hadapan.

"Kita sudah ada pakar, idea dan jawatankuasa sekuriti ma-

kanan negara untuk menangani isu ini, tetapi jika kerajaan tidak memperuntukkan sejumlah dana yang sewajarnya kepada agensi dan universiti untuk tujuan penyelidikan berkaitan pertanian, usaha ini tidak akan berhasil," katanya.

Antara inisiatif kerajaan ketika ini bagi mengurangkan kebergantungan sumber import adalah menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30 peratus menjelang 2032.

Malah, Program Pembangunan Jagung Bijian Negara akan membangunkan bahan makanan ternakan alternatif dan memperkasa industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian.

Sebanyak 480,000 tan metrik disasarkan bagi pengeluaran akuakultur, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik.

Penternakan secara fidlot turut diperluas dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan lembu pedaging untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50 peratus pada 2030 manakala Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).